

16/10/1998

Hotel siap, janji tidak ditepati

Anak Terayung

SELEPAS dilakukan pecah tanah pembinaan hotel bertaraf lima bintang yang dikenali Rasa Ria Resort oleh Ketua Menteri Sabah ketika itu, Datuk Joseph Pairin Kitingan, dan sekali gus pembinaan padang Golf 18 lubang, ianya menimbulkan kebimbangan penduduk Kampung Terayung, Tuaran.

Perkara paling membimbangkan ialah pengambilan tanah penduduk yang sudah didiami berpuluh tahun. Walaupun tanah itu tiada geran/hak milik, ianya adalah satu-satunya harta yang ada pada mereka.

Bagaimanapun kebimbangan penduduk dapat diredakan oleh wakil kerajaan dan pengusaha dalam satu mesyuarat dengan penduduk kampung di Pejabat Daerah.

Di antara perkara yang menggembirakan ialah semua penduduk yang rumahnya terbabit akan dipindahkan di tempat tidak jauh dari perkampungan asal. Mereka akan diberi rumah dan 0.4 hektar tanah selain dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, dewan serbaguna, padang permainan dan banyak lagi.

Namun, selepas hotel bertaraf lima bintang dan padang golf itu siap dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ternyata janji hanyalah khayalan dan rekaan semata-mata. Janji hanya direka untuk memancing persetujuan penduduk kampung.

Beginikah balasan terhadap kejujuran dan kebaikan penduduk Kampung Terayung yang tidak menimbulkan banyak masalah semasa pengambilalihan kampung mereka?

Di harap pihak yang berkenaan lebih bertanggungjawab dan prihatin terhadap penduduk Kampung Terayung. Tunaikanlah janji yang telah dibuat walaupun bukan rasmi.